

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

<b>1.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MALAYSIA PERLU ANGKAT ISU ALAM SEKITAR JADI AGENDA UTAMA ASEAN</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (27 NOVEMBER 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>12 (RENCANA)</b>

12
Rencana
Rabu, 27 November 2024

# Malaysia perlu angkat isu alam sekitar jadi agenda utama ASEAN

- Malaysia berpeluang berikan contoh dalam kelestarian alam sekitar melalui kerjasama serantau kukuh, mempromosi ekonomi hijau, melindungi ekosistem laut dan daratan serta meningkatkan kesedaran awam

- Malaysia sebagai negara sedang membangun dan antara ekonomi terbesar di Asia Tenggara mempunyai pengalaman luas berkaitan agenda pembangunan mampan atau lestari

**Oleh Prof Madya Dr Hafiza Abdul Rahaman**  
[hbrencana@bh.com.my](mailto:hbrencana@bh.com.my)

**Kedudukan** Kepengerastan ASEAN 2025 memberikan peluang luas kepada Malaysia untuk menggerakkan kerjasama dan berperanan lebih aktif dalam pemerkasaan agenda kelestarian alam sekitar.

Sebagai negara kaya biodiversiti, Malaysia perlu mempromosikan isu alam sekitar dalam agenda ASEAN dengan memperkenalkan inisiatif baharu yang dapat memberi manfaat dan memperkukuh kedudukan ASEAN sebagai pemacu agenda kelestarian alam sekitar global.

Malaysia berpeluang memberikan contoh dalam kelestarian alam sekitar melalui kerjasama serantau kukuh, mempromosikan ekonomi hijau, melindungi ekosistem laut dan daratan serta meningkatkan kesedaran awam.

Antara isu alam sekitar besar membabitkan negara ASEAN ialah pengurusan tanah gambut sering terjejas akibat pembakaran hutan dan penanaman komoditi seperti sawit.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia boleh memperkenalkan inisiatif inisiatif mendidik pengurusan lestari tanah gambut.

Ini termasuk ASEAN Peatland Management Strategy (APMS) bertujuan mengurangkan pembakaran tanah gambut dan memperkenalkan kaedah pengurusan lebih lestari.

Malaysia, yang turut terjejas dalam isu pembakaran terutamanya sempadan dengan Indonesia boleh menuntut pengurusan lebih teguh terhadap aktiviti pembakaran terbuka dan mempromosikan penggunaan kaedah alternatif untuk membersihkan tanah seperti penggunaan teknologi mekanikal serta bijirin.

Kita juga boleh memperkukuh kerjasama serantau dalam melindungi dan memulihara hutan tropika, iaitu antara ekosistem terpenting di dunia.

ASEAN mempunyai beberapa inisiatif berkaitan hutan seperti ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP) ditandatangani pada 2002.

Justeru, Malaysia boleh menggalakkan pelaksanaan perjanjian ini lebih teguh bertujuan mengurangkan pencemaran asap tebal semasa dan akibat pembakaran terbuka menjadi masalah utama di negara seperti Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Negara juga boleh mendorong kerjasama dalam projek pemuliharaan hutan seperti *Reducing Emissions From Deforestation and Forest Degradation (REDD+)*.

Dalam konteks pembangunan ekonomi hijau dan tenaga boleh diperbaharui, salah satu bertepatan dengan pelan negara, iaitu Dasar Ekonomi Hijau yang diperkenalkan sejak 2011, bertujuan merangka ekonomi lebih mampan, mesra alam dan berdaya saing.

Malaysia dapat memperkasa dasar ini dengan mencadangkan pelaksanaan ekonomi hijau di seluruh ASEAN dan memperkenalkan inisiatif serantau untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui seperti solar, hidro dan angin di seluruh ASEAN yang kebanyakannya masih bergantung kepada sumber tenaga fosil.

Negara terbabit boleh dibantu dengan membekalkan latihan dan sokongan teknikal untuk memperkalkan sistem tenaga bersih serta memperkenalkan insentif kewangan bagi penggunaan teknologi hijau, iaitu ASEAN Green Energy Investment Platform.

Berkaitan pengurusan pencemaran lautan dan kepelbagaian biodiversiti marin, Laut China Selatan dan Selat Malaka yang menjadi rumah kepada beberapa terumbu karang terbesar di dunia menghadapi ancaman besar akibat pencemaran plastik, aktiviti perikanan haram dan perubahan iklim.

Justeru, Malaysia boleh memperkenalkan ASEAN Marine Plastic Debris Initiative bertujuan mengurangkan jumlah plastik mencemari lautan.

Kita boleh mempromosikan pengurusan sisa lebih baik dan memperkenalkan teknologi menukar plastik menjadi bahan lebih mesra alam.

Malah, Malaysia mempunyai garis pantai panjang dan kaya dengan biodiversiti marin boleh menggalakan usaha ASEAN untuk melindungi lautan serta ekosistem marin.

Kerjasama dengan anggota ASEAN diperlukan untuk memulihara terumbu karang dan kawasan perlindungan marin dengan meningkatkan pengurusan undang-undang serta mendukung projek pendidikan bersama.

Malaysia juga boleh bekerjasama dalam meningkatkan pengurusan kawasan perlindungan marin dan penguatkuasaan undang-undang melarang aktiviti penangkapan ikan memusnahkan ekosistem marin.

Projek seperti ASEAN Centre for Biodiversity boleh dijadikan platform untuk berkongsi amalan terbaik dalam pemuliharaan laut.

**Kejuruteraan teknologi pantai pencemaran**

Isu pemerkasaan teknologi dan inovasi alam sekitar juga boleh dikeskakan. Berkaitan teknologi kitar semula dan pengurusan sisa, Malaysia sudah melaksanakan langkah menggalakan amalan kitar semula dan pengurusan sisa di dalam negara.

termasuk pelaksanaan Program Kitar Semula Malaysia.

Malaysia boleh mencadangkan platform inovasi untuk negara ASEAN berkongsi teknologi dan amalan terbaik, selain mengusulkan pembangunan pasar inovasi serantau mempromosikan teknologi hijau seperti pembakaran sisa mesra alam, pemprosesan plastik dan sistem penjapisan udara.

Kita boleh memimpin dalam penggunaan teknologi untuk memantau pencemaran alam sekitar menggunakan satelit atau dron boleh membantu negara ASEAN mengesan perubahan alam sekitar dan pencemaran lebih awal serta merancang tindak balas lebih berkesan.

Selanjutnya, isu utama lain termasuk menggalak perubahan iklim melalui kerjasama serantau. Perubahan iklim adalah isu global memberi kesan langsung kepada negara ASEAN melalui cuaca ekstrem, kemarau, banjir dan kerosakan ekosistem.

Malaysia boleh memperkenalkan ASEAN Climate Change Framework memberi tumpuan kepada dua aspek utama, iaitu pengurangan emisi gas rumah hijau dan penyusunan adaptasi terhadap kesan perubahan iklim.

Contohnya, Malaysia boleh mendorong negara ASEAN menubuhkan pusat pemantauan perubahan iklim serantau dapat membantu negara tedahap kepada kesan perubahan iklim untuk merancang langkah penyusunan dengan lebih berkesan, termasuk dalam sektor pertanian, kesihatan dan pengurusan sumber air.

Malaysia juga boleh menjadi pemimpin dalam pelaksanaan National Adaptation Plans (NAPs) di dalam ASEAN agar negara serantau mempunyai pelan adaptasi perubahan iklim lebih sepadan dan berkesan.

Malaysia juga boleh mempromosikan pelaksanaan strategi penyusunan perubahan iklim membabitkan semua sektor seperti pertanian, perikanan dan perancangan bandar.

Ini termasuk mendorong pembiayaan hijau melalui kerjasama dengan bank pembangunan serantau dan global.

Dalam konteks pendidikan, Malaysia boleh memperkasa program Jon Kitar Semula ke negara ASEAN dengan melaksanakan program pendidikan alam sekitar di sekolah dan universiti.

Selain itu, kita boleh menggalakan penerangan kempen ASEAN Hijau, menyasarkan komuniti muda untuk bersedia dan terlibat dalam aktiviti sukarela, kempen kesedaran serta projek pemuliharaan.

Melalui pendidikan, negara ASEAN dapat membentuk generasi baharu lebih prihatin terhadap isu alam sekitar dan mampu menangani cabaran alam sekitar semakin mendesak.

Kejuruteraan, Malaysia sebagai negara sedang membangun dan antara ekonomi terbesar di Asia Tenggara mempunyai pengalaman luas berkaitan agenda pembangunan mampan atau lestari.

Justeru, Malaysia mempunyai reputasi kukuh dan kapasiti memimpin serta memberi kesan besar dalam hal alam sekitar serantau, apatah lagi berpeluang utama dalam menjayakan agenda kelestarian ASEAN pada 2025.

2.	TAJUK	MASYARAKAT KENA CAKNA, SIAP SIAGA HADAPI CUACA EKSTREM PENYEBAB BENCANA ALAM
	SUMBER	BH (29 NOVEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (NASIONAL)



## Masyarakat kena cakna, siap siaga hadapi cuaca ekstrem penyebab bencana alam

**Sehingga** petang semalam, jumlah mangsa banjir dilaporkan melebihi 60,000 orang membabitkan hampir 15,000 keluarga di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Johor dan Perak. Rentetan itu, sebanyak 385 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di negeri berkenaan setakat ini.

Jabatan Meteorologi (METMalaysia) mengeluarkan amaran mengenai ramalan hujan lebat berterusan pada tahap bahaya di Jerantut dan Kuantan, Pahang serta seluruh Terengganu dan Kelantan sehingga hari ini dengan kawasan Tanah Tinggi Cameron, Lipis, Maran, Pekan dan Rompin dijangka menghadapi hujan berterusan tahap buruk.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kini menjalankan langkah proaktif termasuk mengeluarkan sistem amaran awal banjir melalui SMS, memanfaatkan kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), METMalaysia dan syarikat telekomunikasi.

Amaran ini dikeluarkan bertujuan memberi amaran kepada penduduk di kawasan berisiko supaya membuat persediaan awal, bersedia siaga dan segera menyelamatkan diri jika melihat tanda banjir bakal melanda di kawasan tempat tinggal mereka.

Setiap tahun, kerajaan dilaporkan menyebarkan jutaan ringgit bagi melaksanakan projek tebatan banjir, membaik pulih sistem perparitan dan pengaliran bagi mengatasi banjir musim tengkujuh namun, kadang berlaku menunjukkan seperti projek terbabit ikut serta 'tenggelam'.

Kesedaran ini seharusnya membuka mata kerajaan serta agensi bertanggungjawab supaya memeliti semula setiap projek dilaksanakan itu sama ada mengikut spesifikasi ditetapkan atau tidak.

Ketika ini, banyak pihak berkuasa tempatan (PBT) turut mula mengeluarkan amaran dan pemakluman arahan pengaliran atau larangan melakukan sebarang aktiviti di kawasan rekreasi tampuan termasuk bukit, air terjun, tepi pantai dan laut atas faktor keselamatan.

Pada musim monsun ini, penggemar aktiviti mendaki, berkhemah, berbasikal, panjat lasak pacuan empat roda, berenang dan aktiviti lasak dinasihatkan 'berehat' sehingga cuaca ekstrem reda atau tahap risiko mula menurun. Itu juga juga perlu meningkatkan pemantauan terhadap anak-anak jangan menjadikan banjir sebagai pesta berendam air.

Penghuni kota pula terutama yang tinggal kediaman di bandar pernah mengalami banjir ekstrem terutama di Lembah Klang dan sekitarnya perlu lebih waspada dengan perubahan musim monsun ini kerana banjir seperti 'tsunami' pernah berlaku pada Disember 2021.

Bencana alam akibat musim monsun kini tidak mengenal negeri, boleh melanda mana-mana lokasi dan mengancam nyawa serta berisiko merosakkan harta benda.

Mendepani ujian musim Monsun Timur Laut ini, selain agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan syarikat konglomerat wajar tampil bersama untuk membantu penduduk terjejas akibat banjir atau bencana alam. Bantuan dan pertolongan seharusnya tidak dibatasi fahaman politik atau warna kulit, sebaliknya memenuhi prinsip perikemanusiaan.

Paling utama, masyarakat terutama penduduk di kawasan berisiko banjir perlu sentiasa cakna, peka dan bersedia siaga menghadapi sebarang kemungkinan serta mematuhi arahan dikeluarkan pihak berkuasa demi keselamatan bersama.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**